

Headline	Mahkota LHRM rebutan tiga penjur		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	45	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	154 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 5,214
Frequency	Daily	PR Value	MYR 15,641



Mahkota LHRM rebutan tiga penjur

Kuala Lumpur: Mahkota kejuaraan Liga Hoki Remaja Malaysia MHC-Milo-MSN menjadi rebutan tiga pasukan - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), UniKL Young Guns dan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI) dalam perlawanan penentuan, petang ini.

Nasib MBPJ yang kini mendahului di kedudukan teratas liga belum dianggap selamat apabila mengumpul 18 mata sedangkan UniKL dan SSTMI yang masing-masing terikat dengan 15 mata mempunyai kelebihan jaringan yang besar berbanding MBPJ.

Dalam perlawanan penentuan antara UniKL dan SSTMI di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, MBPJ yang sudah melengkapkan tujuh perlawanan sudah tentu berharap kedua-dua pencabar itu sekadar seri bagi membolehkan mereka menjulang kejuaraan liga sulung sejak penyertaan pada 1995.

Banyak kesilapan

“Perlawanan esok (hari ini) sukar ditentukan memandangkan kami pernah merangkul kejuaraan. Keputusan nanti hanya berdasarkan siapa yang lebih banyak melakukan

kesilapan,” kata jurulatih SSTMI, Wan Roslan Wan Rahman.

Jurulatih UniKL, Faiz Iza pula berkata, pasukannya akan bermati-matian memenangi kejuaraan kali ini memandangkan pasukan itu sekadar menduduki tempat kedua dalam liga dan juga keseluruhan sekali gus mengecewakan juara bertahan itu.

Dalam perlawanan semalam, dua perlawanan pasukan di kedudukan bawah berlangsung dengan SSTMI Juniors menewaskan MBI Anderson 3-1 di Ipoh sementara USM-MSSPP sekadar seri 1-1 menentang Sekolah Tinggi Melaka dalam perlawanan di Pulau Pinang.

DIVISIYEN SATU							
	P	M	S	K	J	B	Mt
MBPJ	7	6	0	1	11	9	18
SSTMI T'bolts	6	5	0	1	29	3	15
UniKL YG	6	5	0	1	28	6	15
MBI Anderson	7	2	2	3	11	19	8
SSTMI Jr	6	2	1	3	9	17	7
MHS	7	1	3	3	10	22	6
SSBJ	7	1	1	5	9	17	4
USM-MSSPP	6	0	1	5	7	2	1